

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI  
DATO' SIDEK**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan dan strategi operasi harian Pusat Jagaan Warga Emas, Kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU) semasa menghadapi COVID-19 dan pasca.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memastikan semua pusat jagaan berdaftar beroperasi dengan mematuhi semua standard minimum yang telah ditetapkan sebagaimana di dalam Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*] dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Bagi memastikan semua Pusat Jagaan berdaftar beroperasi dengan baik terutama sepanjang tempoh pandemik COVID-19, JKJ telah mengeluarkan dua (2) garis panduan tambahan yang perlu dipatuhi iaitu:

- i. **Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit COVID-19 Di Pusat Jagaan Berdaftar (Berkediaman Dan Harian); dan**
- ii. **Garis Panduan Pencegahan Dan Kawalan Jangkitan COVID-19 Bagi Perkhidmatan Sosial Di Jabatan Kebajikan Masyarakat.**

Kedua-dua garis panduan ini menggariskan panduan bagi memastikan **penularan jangkitan** penyakit COVID-19 **dapat dicegah** di pusat jagaan, **pengoperasian** pusat jagaan dapat **dikendalikan dengan baik**, **mematuhi arahan pihak berkuasa** yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dan bagi memastikan **Pengendali Pusat Jagaan bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kesejahteraan penghuni** pada setiap masa.

Jabatan Kebajikan Masyarakat melakukan **pemeriksaan berkala ke atas Pusat Jagaan berdaftar sekurang-kurangnya sekali setiap enam (6) bulan**. Manakala, **pemeriksaan mengejut** ke atas pusat jagaan berdaftar juga diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan semua pusat jagaan ini sentiasa mematuhi standard minimum yang telah ditetapkan sebagaimana dinyatakan di dalam Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Selain daripada itu, pemeriksaan pemantauan bagi melihat kepatuhan ke atas semua SOP dan garis panduan yang dikeluarkan semasa tempoh pandemik juga turut dilakukan ke atas pusat jagaan berdaftar. Mengikut statistik, sehingga Julai 2021, sebanyak 868 kali pemeriksaan telah dilakukan ke atas pusat jagaan berdaftar.

JKM juga telah dilantik sebagai Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit [*Akta 342*] berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2021. **Sehingga kini, seramai 1,313 orang Pegawai Diberi Kuasa** telah dilantik sebagaimana peruntukan Akta 342 tersebut. Di bawah lantikan ini, **JKM bertanggungjawab untuk memantau semua Pusat Jagaan berdaftar yang beroperasi semasa tempoh pandemik COVID-19 dengan mematuhi SOP yang telah dikeluarkan** oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). **Sehingga Ogos 2021, sebanyak 644 pemantauan SOP ke atas Pusat Jagaan telah dilakukan.**

Selain daripada itu, JKM telah melaksanakan Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (mySACC) bagi mengawal kualiti dan standard minimum sesebuah pusat jagaan. Ianya adalah sebuah sistem yang memberikan tanggungjawab kepada Pengendali Pusat Jagaan untuk mengemukakan laporan pengoperasian Pusat Jagaan mengikut suatu tempoh yang ditetapkan iaitu sekali dalam tempoh setiap 6 bulan. **Sehingga kini, seramai 1,401 pengendali pusat jagaan telah melakukan penilaian sendiri melalui sistem mySACC ini.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DR. WAN MARTINA BINTI  
WAN YUSOFF**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan agar kebajikan wanita terutama ibu tunggal yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ini terjaga dan adakah Kerajaan mempunyai pelan tindakan agar golongan yang terkesan ini mendapat perlindungan sewajarnya dari Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyedari kesan pandemik COVID-19 yang dihadapi oleh wanita terutama yang menjadi ketua keluarga yang mana berhadapan dengan kehilangan pekerjaan atau punca pendapatan. Kementerian amat prihatin dan komited untuk menjaga kebajikan wanita terutamanya wanita B40 termasuklah mereka yang bergelar ibu tunggal, melalui pembangunan kapasiti serta penyediaan ruang dan peluang supaya wanita-wanita ini dapat menjana pendapatan bagi memperbaiki taraf hidup mereka.

Untuk makluman, soal selidik yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bermula 29 Jun 2021 sehingga 5 Julai 2021 yang melibatkan 23,634 responden ibu tunggal mendapati bahawa 43 peratus telah hilang pekerjaan manakala 92 peratus mempunyai pendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan (RM2,208) kesan daripada pandemik ini.

Bagi membantu wanita yang memerlukan bantuan ini dalam menyara kehidupan seharian, Kementerian ada menyediakan program penjanaan pendapatan untuk membantu ekonomi wanita seperti berikut:

**(i) Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)**

JPW telah melaksanakan program penjanaan pendapatan wanita melalui keusahawanan menerusi program kolaborasi strategik KPWKM dan MEDAC seperti berikut:

- a. TEKUN: Program Bantuan Pembiayaan Berkelompok TemanNita;
- b. Perbadanan Nasional (PNS): Sebuah program keusahawanan berkonsepkan Francais; dan
- c. INSKEN: Program INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC).

**(ii) Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)**

- a. Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita:  
7 program telah dilaksanakan, melibatkan 91 majikan dengan 9,015 tawaran pekerjaan. Program ini dilihat mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 3,785 peserta; dan
- b. PERKESO juga telah melaksanakan pelbagai program perkhidmatan pekerjaan yang telah membantu 171,856 wanita Kembali Bekerja ataupun Bermula Bekerja sejak penularan wabak COVID-19 hingga kini.

**(iii) Program Bantuan MyKasih Kapital**

- a. Satu inisiatif di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN);
- b. Merupakan bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif yang diberi kepada rakyat Malaysia khususnya kepada golongan wanita pencari nafkah utama keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan bagi menjana semula ekonomi keluarga; dan
- c. Sehingga Ogos 2021, seramai 18 ribu peserta telah menerima insentif ini melibatkan peruntukan sebanyak RM13.5 juta.

KPWKM melalui JPW turut melaksanakan program pembangunan kapasiti bagi membantu wanita untuk berdikari dan bangkit dalam mendepani cabaran akibat pandemik COVID-19. Inisiatif ini adalah berlandaskan kepada Model Pemerkasaan Wanita yang dibangunkan oleh JPW iaitu mengangkat kepentingan aspek keseimbangan, memfokuskan kepada pengukuhan kewangan, menyediakan peluang kemahiran dan memberikan keutamaan kepada usaha-usaha untuk mencapai kesaksamaan dan kepimpinan sendiri. Kerangka inilah yang menjadi asas kepada pelaksanaan program pemerkasaan wanita. Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak **1,284 program** pemerkasaan wanita telah dilaksanakan oleh JPW melibatkan **711,064 peserta** di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI  
MOHD RADZI**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini bagi kesemua 10 teras strategik yang digariskan dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022 serta apakah usaha proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan pelan ini tidak gagal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) 2016-2022 telah masuk tahun keenam pelaksanaan dengan kerjasama pelbagai pihak daripada kementerian dan agensi yang berkaitan dalam usaha meningkatkan kesaksamaan hak dan peluang golongan OKU menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan atas komitmen semua pihak yang melaksanakan semua program dan tindakan di bawah Pelan Tindakan OKU 2016-2022 ini.

Pada masa ini, usaha sedang giat dilaksanakan oleh Kementerian dengan mendapatkan status pencapaian daripada kementerian dan agensi yang diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan program atau tindakan yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan OKU 2016 hingga 2022.

Pelan tindakan tersebut menggariskan 10 teras strategik dengan kesemua program atau tindakan berjumlah sebanyak 107 program. Antara kementerian dan agensi yang terlibat ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan lain-lain.

Antara status pencapaian Pelan Tindakan OKU 2016-2022 adalah di bawah Teras Strategik 1 untuk **meningkatkan aksesibiliti golongan OKU** supaya lebih produktif dan inklusif dalam masyarakat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengadakan kursus dan taklimat kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan aksesibiliti golongan OKU pada setiap tahun seperti yang berikut:

- (i) Kursus Reka Bentuk Sejagat Siri 1/2021 pada 19 hingga 20 April 2021 secara dalam talian;



- (ii) Kursus reka Bentuk Sejagat Siri 2/2021 pada 16 hingga 17 Ogos 2021 secara dalam talian; dan
- (iii) Taklimat Pelan Tindakan Aksesibiliti OKU Tahun 2021 pada 29 Julai dan 2 Ogos 2021.

Seterusnya, di bawah Teras Strategik 2, iaitu **memperkasakan ekonomi golongan OKU** dengan meningkatkan penyertaan mereka dalam pasaran pekerjaan yang terbuka dan inklusif, Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah program *Job Coach* telah menyediakan latihan sokongan pekerjaan kepada OKU serta melatih majikan swasta dan NGO.

Teras Strategik 3 adalah untuk **meningkatkan akses golongan OKU kepada pendidikan yang berkualiti dan inklusif** pada semua peringkat. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyelaraskan dan membekalkan Peralatan Khas mengikut kategori Murid Berkeperluan Khas (MBK) dan sentiasa mengambil kira prinsip *Universal Design* atau reka bentuk sejagat agar peralatan, prasarana dan infrastruktur di sekolah boleh diguna pakai secara menyeluruh. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga menitikberatkan aspek reka bentuk sejagat dengan menghantar semua perancangan pembangunan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kepada KPKT untuk memastikan prasarana dan infrastruktur mesra OKU disediakan.

Bagi **meningkatkan penyertaan golongan OKU dalam peringkat proses perancangan dan pembuatan keputusan** di bawah Teras Strategik 6, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menggalakkan golongan OKU untuk terlibat dalam proses pembuatan keputusan di setiap peringkat. Dasar Satu Peratus OKU antara inisiatif yang dijalankan bagi meningkatkan pelibatan golongan OKU dalam sektor awam manakala insentif seperti pengecualian cukai diberikan kepada sektor swasta. Selain itu, sesi libat urus bersama-sama dengan golongan OKU diadakan dalam setiap proses perancangan dan penggubalan dasar bagi memastikan keperluan mereka terjaga.

## **SOALAN NO. : 35**

Pelaksanaan Pelan Tindakan OKU ini memerlukan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak, bukan sahaja daripada kementerian dan pertubuhan kerajaan, tetapi sewajarnya menjadi keutamaan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta supaya kepentingan dan kebajikan golongan OKU terjamin. Hal ini sangat penting untuk memastikan golongan OKU dapat menjalani kehidupan yang berkualiti dan inklusif setanding dengan anggota masyarakat yang lain. Oleh itu, Kementerian ini menyeru supaya kementerian dan agensi yang terlibat dalam Pelan Tindakan OKU ini menggiatkan lagi usaha bagi menjayakan program dan tindakan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.